

PERATURAN PERTANDINGAN TENIS

1.0 NAMA PERTANDINGAN

1.1 Pertandingan Tenis Kokurikulum Matrikulasi (KAKOM) Tahun 2022.

2.0 UNDANG-UNDANG DAN PERATURAN PERTANDINGAN

2.1 Selain daripada undang-undang yang terkandung, pertandingan dijalankan mengikut undang-undang **Persekutuan Tenis Antarabangsa (ITF)** dan Peraturan Jawatankuasa Pengelola, Pertandingan Tenis KAKOM 2022.

2.2 Sekiranya timbul sebarang perselisihan dari segi pentafsirannya, undang-undang dalam Bahasa Inggeris yang terkini akan digunakan.

3.0 TARIKH DAN MASA PERTANDINGAN

3.1 03 hingga 04 September 2022 (Sabtu dan Ahad)

3.2 Sila rujuk jadual pertandingan yang akan diberi pada mesyuarat pengurus pasukan.

4.0 TEMPAT PERTANDINGAN

4.1 Gelanggang Tenis Kolej Matrikulasi Melaka.

5.0 KELAYAKAN PESERTA

5.1 Sila rujuk Perkara 5.0 Peraturan Am KAKOM 2022.

5.2 Setiap peserta pertandingan masing-masing hanya dibenarkan menyertai satu (1) acara sahaja iaitu acara individu dan beregu.

6.0 PENYERTAAN

6.1 Penyertaan adalah terbuka kepada semua Kolej Matrikulasi KPM, Kementerian Pendidikan Malaysia.

6.2 Peserta yang mengikuti program lain di Kolej MARA di bawah KPM pada tahun semasa boleh mengambil bahagian dalam KAKOM (Kelulusan Jawatankuasa Induk KAKOM bil 1/2021).

- 6.3 Setiap kolej hanya boleh mendaftarkan satu (1) pasukan lelaki (3 orang pemain), satu (1) pasukan wanita (3 orang pemain) dan 2 orang pegawai sahaja seperti jadual di bawah:

Bil	Katogeri	Acara dipertandingkan	Bilangan pemain
1.	Lelaki	Individu	1 orang
2.	Lelaki	Beregu	2 orang
3.	Wanita	Individu	1 orang
4.	Wanita	Beregu	2 orang
3.	*	Pengurus/ Jurulatih	2 orang
Jumlah			8 orang

*Terbuka tanpa kuota jantina

7.0 PEGAWAI TEKNIKAL

- 7.1 Pertandingan akan diadili oleh pengadil (*umpire*) yang bertauliah yang dilantik.
- 7.2 Keputusan pengadil adalah muktamad.
- 7.3 Hakim garisan (***jika perlu***) adalah terdiri daripada sukarelawan yang terlatih dalam kalangan para pelajar kolej pengelola.

8.0 PENENTUAN KEMENANGAN

- 8.1. Sekiranya pada akhir perlawanan **liga**, sesuatu pasukan memperolehi kiraan mata yang sama lebih dari satu, maka keputusan akan ditentukan seperti berikut:
- 8.2 Jika masih SERI, maka pemenang dikira berdasarkan beza "***point***" menang dan kalah;
- 8.3 Jika masih SERI, maka pemenang dikira berdasarkan jumlah point yang dimenangi; dan
- 8.4 Jika masih SERI, maka pemenang dikira berdasarkan rekod pertemuan permainan (*'head to head'*).
- 8.5 Jika masih SERI, lambungan syiling akan dilaksanakan.

9.0 KELEWATAN

- 9.1 Sepuluh minit (10) akan diberikan kepada pemain-pemain sebagai tempoh masa menunggu daripada masa panggilan. Jika selepas itu seseorang pemain yang tidak hadir maka pemain berkenaan dikira kalah. Dengan itu pemain yang tidak hadir dikira menarik diri dan peraturan 18.0 (menarik diri) akan diguna pakai.
- 9.2 Semua pasukan hendaklah berada dan bersedia untuk bermain ditempat perlawanan lima belas (15) minit sebelum pertandingan.

10.0 JAWATANKUASA TATATERTIB (DISIPLIN/TINDAKAN HUKUMAN)

- 10.1 Sila rujuk Perkara 10.0 Peraturan Am.

11.0 PENANGGUHAN

- 11.1 Sila rujuk Perkara 11.0 Peraturan Am.
- 11.2 Sekiranya keadaan gelanggang tidak memuaskan atau cuaca semasa perlawanan berlangsung, **referi** dengan persetujuan **pengerusi teknik** acara tersebut berhak menangguhkan perlawanan.
- 11.3 Sekiranya perlawanan ditangguhkan, maka perlawanan akan disambung mengikut baki (point) yang tinggal walaupun perlawanan disambung esoknya.
- 11.4 **Jawatankuasa Teknikal Tennis** berhak mengubah sistem pertandingan jikamasa tidak mencukupi akibat daripada penangguhan permainan dalam apa-apa keadaan sekalipun.

12.0 BANTAHAN DAN RAYUAN

- 12.1 Sila rujuk Perkara 12.0 Peraturan Am.

13.0 JURI RAYUAN

- 13.1 Sila rujuk Perkara 13.0 Peraturan Am.

14.0 KESELAMATAN, KEHILANGAN BARANG-BARANG DAN KEMALANGAN

- 14.1 Sila rujuk Perkara 14.0 Peraturan Am

15.0 HADIAH

15.1	Emas Individu Lelaki	(1 pemain, 1 Pengurus/ Jurulatih)
15.2	Emas Beregu Lelaki	(2 pemain, 1 Pengurus/ Jurulatih)
15.3	Perak Individu Lelaki	(1 pemain, 1 Pengurus/ Jurulatih)
15.4	Perak Beregu Lelaki	(2 pemain, 1 Pengurus/ Jurulatih)
15.5	Gangsa Individu Lelaki	(2 pemain, 2 Pengurus/ Jurulatih)
15.6	Gangsa Beregu Lelaki	(4 pemain, 2 Pengurus/ Jurulatih)
15.7	Emas Individu Wanita	(1 pemain, 1 Pengurus/ Jurulatih)
15.8	Emas Beregu Wanita	(2 pemain, 1 Pengurus/ Jurulatih)
15.9	Perak Individu Wanita	(1 pemain, 1 Pengurus/ Jurulatih)
15.10	Perak Beregu Wanita	(2 pemain, 1 Pengurus/ Jurulatih)
15.11	Gangsa Individu Wanita	(2 pemain, 2 Pengurus/ Jurulatih)
15.12	Gangsa Beregu Wanita	(4 pemain, 2 Pengurus/ Jurulatih)

PINGAT / KATEGORI	EMAS	PERAK	GANGSA	JUMLAH
LELAKI	3	3	4	10
WANITA	3	3	4	10
PENGURUS/JURULATIH	2	2	4	8

16.0 FORMAT DAN SISTEM PERTANDINGAN

16.1 Set Dan Mata Perlawanan

- 16.1.1 Semua perlawanan diputuskan dengan satu set perlawanan sahaja (*proset/shortset*).
- 16.1.2 Di peringkat awal hingga kalah mati, pemenang adalah pemain yang mendapat **enam** (6) mata terlebih dahulu.
- 16.1.3 Tiada '*tie-break*' dalam pertandingan dan tiada '*advantage*' semasa '*deuce*' dalam semua perlawanan. (Opened Choice)

16.4 Pusingan Separuh Akhir dan Akhir.

16.4.1 Pasukan-pasukan yang menang pada perlawanan separuh akhir akan memasuki perlawanan akhir bagi menentukan Johan dan Naib Johan, sementara pasukan-pasukan yang kalah akan diberikan kedudukan tempat ketiga Bersama.

16.4.2 Jadual pertandingan akan disediakan oleh pihak penganjur.

17.0 MESYUARAT PENGURUS PASUKAN

17.1 Mesyuarat Pengurus Pasukan akan diadakan pada 02hb September 2022, pada jam 9.00 malam, bertempat di Bilik Tutoran 1.1.5.

17.2 Semua pengurus pasukan dikehendaki mengemukakan senarai nama peserta dan salinan kad pelajar yang telah disahkan.

17.3 Pengesahan peserta yang mengambil bahagian hendaklah disahkan semasa mesyuarat tersebut. Segala pertukaran boleh dilakukan dalam mesyuarat tersebut. **(SELEPAS ITU SEMUA PERTUKARAN / PENGANTIAN TIDAK AKAN DILAYAN).**

17.4 Senarai peserta yang disahkan semasa taklimat pengurus pasukan adalah muktamad.

17.5 Sila rujuk Perkara 17.0 Peraturan Am.

18.0 MENARIK DIRI

18.1 Sila rujuk Perkara 18.0 Peraturan Am.

18.2 Sekiranya mana-mana perkara yang tidak dinyatakan dalam Perkara 11.0 Peraturan Am, Jawatankuasa Penganjur adalah berhak untuk meminda / menambah peraturan-peraturan yang difikirkan perlu. Sebarang keputusan adalah muktamad.

19.0 PENGUNDIAN

19.1 Sila rujuk Perkara 19.0 Peraturan Am

20.0 PAKAIAN PESERTA DAN PERALATAN

20.1 Peraturan permainan yang ditentukan mengikut ITF hendaklah dipatuhi.

20.2 Pemain mestilah memakai pakaian yang mempunyai identiti kolej (pakaian kontinjen).

20.3 Penggunaan / pertukaran bola tenis adalah atas persetujuan pasukan yang bertanding.

20.4 Jawatankuasa Teknik dan Pertandingan telah memutuskan bola yang akan digunakan untuk semua perlawanan adalah jenama **DUNLOP FORT**. Pengelola akan menyediakan bola pertandingan..

20.5 Setiap kolej diminta membawa bola tenis sendiri untuk tujuan memanaskan badan atau latihan.

21.0 TINDAKAN TATATERTIB (DISIPLIN/TINDAKAN HUKUMAN)

21.1 Tindakan tatatertib yang akan diambil adalah mengikut Undang-Undang Persekutuan Tenis Antarabangsa (ITF).

21.2 Setiap kesalahan tatatertib, pemain dan pegawai akan dirujuk kepada Jawatankuasa Tatatertib.

22.0 PERKARA-PERKARA YANG TIDAK DINYATAKAN

22.1 Sila rujuk Perkara 20.0 Peraturan Am

23.0 HAL-HAL LAIN

23.1 Sila rujuk Perkara 21.0 Peraturan Am.

23.2 Sekiranya terdapat gangguan perjalanan pertandingan seperti gangguan teknikal atau kesuntukan masa, Pengerusi Teknik melalui mesyuarat bersama semua pengurus pasukan akan menentukan kaedah keputusan perlawanan.

23.3 Jawatankuasa Pengelola mempunyai hak mentafsirkan segala perkara yang tidak disiarkan atau termaktub di dalam Peraturan-Peraturan. Pertandingan ini dan keputusannya adalah muktamad.

LAMPIRAN

Contoh gambar bola tenis jenama **DUNLOP FORT**.

